

Biasiswa:

14 DEC 1992

mahu
penjelasan
Mara

LANGKAWI. Isnin —
Perdana Menteri, Datuk
Seri Dr Mahathir Moha-
mad akan meminta penje-
lasan daripada Mara men-
genai pemberhentian
biasiswa untuk pelajar
yang ingin menyertai ker-
jaya sebagai juruterbang.

"Dulu Mara ada mem-
beri biasiswa untuk mela-
tih juruterbang tetapi se-
karang sudah dihent-
tikan," katanya kepada
pemberita di sini hari ini.

Bagaimanapun, kata-
nya, Penerbangan Malay-
sia (MAS) mempunyai
rancangan melatih 200 ju-
ruterbang setahun, ter-
masuk 16 juruterbang pe-
latih dihantar mengikuti
latihan di Sekolah Lati-
han Juruterbang Mofaz di
sini tahun depan.

Terdahulu, Perdana
Menteri melawat sekolah
latihan penerbangan Mo-
faz di Padang Mat Sirat,
di sini untuk mendengar
taklimat perkembangan
Mofaz Air Sdn Bhd dan
persiapan Lima 93.

Beliau juga sempat
menghabiskan masa lebih
setengah jam meninjau
pulau ini dari udara de-
ngan menaiki helikopter
Schweizer 300-C yang di-
gunakan untuk melatih
juruterbang sekolah itu.

Kebanyakan pelajar,
khususnya kalangan Bu-
miputera dilaporkan ti-
dak berpeluang menyer-
tai kerjaya juruterbang
kerana menghadapi ma-
salah kewangan untuk
membiayai kos latihan.

Mereka dikatakan cuba
mendapatkan biasiswa
atau pinjaman Mara teta-
pi ditolak dengan alasan
majlis amanah itu tidak
menyediakan peruntukan
bagi jurusan berkenaan.